

**Pembangkok Gadai Kesetiaan Pengundi Untuk Capai Cita-cita Pada PRU-13
Bernama
5 April, 2013
Fokus berita Oleh Mohd Razman Abdullah dan Mohd Hisham Abdul Rafar**

PETALING JAYA, (Bernama) -- Pelbagai pihak melihat tindakan beberapa pemimpin pembangkang melompat kawasan yang ditandingi pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 sebagai pengkhianatan dan tindakan tidak prihatin terhadap kesetiaan dan sokongan pengundi masing-masing selama ini.

Walaupun langkah itu dikatakan antara strategi pembangkang untuk menguasai Putrajaya namun penghijrahan itu mencerminkan rasa tidak yakin mereka untuk mempertahankan kerusi yang disandang.

Tindakan 'melarikan diri' untuk bertanding di kerusi lain hanya bagi memadam rekod perkhidmatan yang tidak baik kepada pengundi serta hanya disuapkan dengan janji-janji manis dan harapan palsu.

Hasrat pemimpin pembangkang parti pusat melompat kawasan itu dikatakan telah menyebabkan parti pembangkang peringkat negeri 'pening kepala' kerana timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan anggota dan pemimpin peringkat akar umbi.

Apa yang sudah pasti sekarang ialah penasihat DAP Lim Kit Siang akan bertukar angin ke kawasan Parlimen Gelang Patah di Johor selepas menyandang kerusi Parlimen Ipoh Timur selama dua penggal.

Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan meninggalkan pengundi setianya di kawasan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang untuk berhijrah ke Perak dan ada kemungkinan besar beliau akan bertanding di kawasan Parlimen Ipoh Timur.

Penganalisis politik percaya kemungkinan ada asasnya kerana kawasan Gelang Patah yang akan ditandingi oleh Kit Siang merupakan kawasan PKR dan adalah wajar kawasan Ipoh Timur diberikan kepada PKR sebagai ganti.

Perubahan yang berlaku itu juga menguatkan lagi teori beberapa penganalisis politik sebelum ini yang menjangka Anwar akan mengepalai jentera pilihan raya pembangkang di Perak manakala Kit Siang di Johor.

Pertukaran kerusi Ipoh Timur dan Gelang Patah itu bagaimanapun memberi implikasi lain pula kepada penyokong pembangkang khususnya di Gelang Patah.

Pengerusi PKR Johor, Datuk Chua Jui Meng mengakui bahawa keputusan yang dibuat oleh pimpinan pusat untuk meletakkan Kit Siang bertanding di Gelang Patah dan bukannya beliau, telah mengecewakan para penyokong pembangkang di kawasan itu.

Banyak pihak percaya bahawa pemimpin dan penyokong parti pembangkang di Gelang Patah mungkin akan bertelagah sesama sendiri kerana Jui Meng adalah tokoh yang memperjuangkan PKR di Johor.

Walaupun telah berjasa kepada PKR selepas menyertai parti itu pada 2009, Jui Meng seolah-olahnya seperti dipinggirkan oleh Anwar, malah kepastian tentang nasibnya untuk

bertanding pada PRU-13 masih kabur sampai sekarang.

Sehingga kini, Jui Meng sendiri belum pasti di kerusi mana beliau akan bertanding kerana belum mendapat apa-apa pengesahan dari PKR pusat.

Selain Ipoh Timur dan Gelang Patah, pertukaran lain yang dijangka berlaku ialah kawasan-kawasan PAS yang akan diberikan kepada PKR iaitu di Temerloh, Setiawangsa, Labuan dan Bera.

Pemimpin pembangkang lain yang disebut-sebut akan juga berpindah kawasan ialah Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu, yang kalah di kawasan Parlimen Kuala Terengganu pada 2008, mungkin bertanding di kawasan Parlimen Pendang, di Kedah.

Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa yang sebelum ini di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Salor di Kelantan, pula berkemungkinan akan bertanding di kawasan Parlimen Putrajaya.

Pada PRU 2008, pembangkang membentuk kerajaan negeri di Perak selepas memperoleh 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala Barisan Nasional (BN) mendapat 28 kerusi.

Bagaimanapun pada Februari 2009, BN kembali berkuasa dengan majoriti mudah selepas dua ADUN PKR dan seorang dari DAP mengisytiharkan menjadi ADUN Bebas dan menyokong Barisan Nasional (BN), sementara seorang bekas ADUN Umno yang menyertai PKR kemudian menyertai semula Umno.

Kempen yang dijalankan oleh pakatan pembangkang kini menjurus kepada penumpuan untuk menawan tiga buah negeri iaitu Perak, Johor dan Sabah dalam PRU-13.

Pada masa yang sama, mereka juga berusaha mengekalkan empat negeri yang dimenangi pada PRU-12, 2008 iaitu Kelantan, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939934>